

PM meriahkan Festival BN Youth Music 2011
Utusan Online
05 Mac, 2012

KUALA LUMPUR 4 Mac - Biarpun berbeza generasi, ia tidak menjadi penghalang bagi Datuk Seri Najib Tun Razak untuk bersama golongan muda dalam memeriahkan Festival Barisan Nasional (BN) Youth Music 2011 di sini hari ini.

Perdana Menteri yang mengenakan kemeja-T berwarna hitam beramah mesra dengan generasi muda di majlis yang bertempat di kompleks beli-belah The Curve itu.

Kehadiran beliau di majlis tersebut pada pukul 6.30 petang sememangnya dinantikan dan beliau turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang dalam festival yang dianjurkan Pergerakan Pemuda BN itu.

Menurut Pengerusi Pemuda BN, Khairy Jamaluddin, penganjuran festival muzik itu merupakan pendekatan baru Pemuda BN untuk bersama-sama golongan muda tanpa mengira perbezaan fahaman politik.

"Selain daripada persembahan dan pertandingan muzik, kami juga membuka kaunter kepada para belia untuk mendaftar sebagai pemilih.

"Festival ini adalah yang julung kali diadakan dan harapan kami supaya pertandingan ini dapat memberi pendedahan serta peluang kepada anak-anak muda mengasah serta menonjolkan bakat mereka," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dalam pertandingan muzik yang berlangsung dua hari bermula semalam itu, kumpulan genre muzik Indie, Skudap Skudip berjaya menggondol hadiah johan keseluruhan dan membawa pulang wang tunai RM30,000.

Kumpulan yang berasal dari Lembah Klang dan mempunyai seramai sembilan anggota itu turut menjadi johan bagi kategori band muzik dan memenangi RM20,000.

Penyanyi muda, Zarina menjuarai kategori penyanyi solo (RM10,000) manakala bagi kategori vokal berkumpulan, dijuarai oleh kumpulan Floorythm (RM15,000).

Lebih 1,000 penyertaan diterima bagi pertandingan yang pertama kali diadakan itu dan kumpulan Zeropoint0 telah memenangi kategori video muzik penyertaan terbaik.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0305&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_05.htm